



Memo
LEMBAGA GETAH MALAYSIA
MALAYSIAN RUBBER BOARD

Kepada : Warga LGM
Daripada : Ketua Unit Pembangunan Sumber Manusia
Rujukan : LGM/KP/KUPSM/027
Tarikh : 06 Mei 2026

KENYATAAN UNIT PEMBANGUNAN SUMBER MANUSIA
BILANGAN 8 TAHUN 2026

HAD MINIMUM PENDAPATAN BERSIH (EMOLUMEN) BULANAN BAGI TUJUAN
PENGESAHAN PINJAMAN KEWANGAN

Dengan hormatnya merujuk kepada perkara di atas.

2. Berdasarkan Seksyen 12 (1), Jadual Kedua, Peraturan-Peraturan Tatatertib Badan-Badan Berkanun, Akta Badan-Badan Berkanun (Tatatertib dan Surcaj) 2000 [Akta 605], seseorang pegawai tidak boleh dengan apa-apa cara menyebabkan dirinya berada dalam keterhutangan kewangan yang serius. Pegawai dan pekhidmat LGM hendaklah bertanggungjawab memastikan jumlah hutang berada pada sekurang-kurangnya paras minimum 40% daripada emolumen bulanan.

3. Sehubungan itu, sebagai langkah kawalan, Mesyuarat Pengurusan Bilangan 6 Tahun 2026 pada 21 April 2026 telah bersetuju untuk menaikkan had minimum pendapatan bersih pegawai dan pekhidmat LGM kepada 50% daripada emolumen bulanan bagi tujuan pengesahan pinjaman kewangan.

4. Had minimum pendapatan bersih yang ditetapkan adalah seperti berikut:

Bil.	Perkara	Penetapan LGM
1.	Peminjaman kali pertama Pegawai belum mempunyai komitmen potongan pinjaman.	Had minimum pendapatan bersih pada kadar 50%
2.	Peminjaman kali kedua dan seterusnya Pegawai telah sedia mempunyai komitmen potongan pinjaman. Potongan pinjaman belum mencapai 50% emolumen bulanan.	Had minimum pendapatan bersih pada kadar 50%.

Bil.	Perkara	Penetapan LGM
3.	<p>Peminjaman bagi penyatuan hutang</p> <p>Pegawai sedang dalam pelbagai komitmen hutang melebihi 50% emolumen bulanan. Keperluan pinjaman untuk penyatuan hutang dan seterusnya mengurangkan kadar potongan bulanan hutang.</p>	<p>Tidak tertakluk kepada had minimum pendapatan bersih pada kadar 50%.</p>

5. Ketetapan had minimum bagi pengiraan had hutang dan pendapatan bersih tidak termasuk potongan bagi pinjaman pendidikan, pinjaman perumahan dan potongan gaji berkaitan simpanan.

6. Semua pegawai dan pekhidmat dipohon mengambil maklum berhubung ketetapan ini.

Sekian, terima kasih.

“MALAYSIA MADANI”
“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”
“KREATIF, INOVATIF, PROGRESIF”

Saya yang menjalankan amanah,



(EMILIA BINTI KASSIM)